

4 ICLEI 2016 -17 Norul Haida bt. Hj. Reduzan

## **Keberkesanan Penggunaan Buku Teks Bahasa Malaysia (KSSR) Sekolah Rendah**

Norul Haida bt. Hj. Reduzan\*, Sharil Nizam Sha'ri

Nor Azian bt. Yeop Idris

\*Corresponding e-mail: nur\_upsi@yahoo.com

### **ABSTRAK**

Penyelidikan ini telah dijalankan dengan memilih buku teks Bahasa Malaysia. Penyelidikan ini bertujuan untuk melihat keberkesanan penggunaan buku teks ini terhadap kefahaman murid-murid di Sek. Keb. Sungai Tua Baharu, di daerah Gombak dalam konteks kata adjektif. Penggunaan buku teks ini dijadikan sebagai modul pembelajaran dalam konteks-kemahiran berfikir aras tinggi. Objektif kajian ini untuk melihat kesan penggunaan buku teks Bahasa Malaysia [KSSR] Tahun 4 sebagai modul pembelajaran Bahasa Malaysia dan merujuk kepada topik frasa kata adjektif dalam konteks-kemahiran berfikir aras tinggi. Kajian ini melibatkan empat puluh orang pelajar dan dibahagikan kepada dua kumpulan utama iaitu kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Data diperoleh dengan peratusan sahaja. Keputusan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar dalam kumpulan eksperimen adalah lebih berjaya dalam ujian yang disediakan daripada kumpulan kawalan. Kesimpulannya, kajian ini telah membuktikan bahawa buku teks bahasa Malaysia (KSSR) sangat sesuai dan tepat digunakan sebagai modul pembelajaran di dalam kelas.

*Kata kunci* : keberkesanan, buku teks, Bahasa Malaysia

### **Pengenalan**

Buku Teks ialah buku yang digunakan sebagai bahan asas utama dan sumber maklumat mengenai mata pelajaran atau bidang tertentu. Buku Teks juga merupakan salah satu bahan mengajar yang penting dan sering digunakan oleh para guru. Ia bukan sahaja memberi panduan atau sukatan bagi setiap tajuk. Buku Teks boleh diibaratkan cerminan bagi nilai masyarakat, harapan dan cita-cita sesebuah Negara menurut Azizi Yahya et.al., (2007). Bagi negara yang sedang maju seperti Malaysia, tidak dinafikan bahawa buku teks adalah satu bahan utama untuk mentafsirkan falsafah, matlamat, objektif dan prinsip kurikulum pendidikan. Penulisan buku teks juga dikengaki menepati keperluan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan matlamat pendidikan demi memastikan perkembangan potensi pelajar secara menyeluruh, seimbang dan bersepadu iaitu membentuk diri dalam aspek intelektual dan kerohanian [KPM 2005].

Membaca dan kefahaman kepada pembelajaran mata pelajaran bahasa Melayu yang menjadi asas semua bidang pengetahuan amat penting bagi membolehkan seseorang itu memperolehi pendidikan sepanjang hayat. Sebahagian besar ilmu pengetahuan terdapat dalam bentuk tulisan. Kemahiran membaca dan kefahaman kepada pembelajaran mata pelajaran bahasa Melayu adalah penting untuk dikuasai oleh setiap murid di peringkat awal lagi. Selanjutnya, melalui mengenalpastian pembentukan frasa kerja (adjektif) di dalam buku teks Bahasa Malaysia (KSSR) Tahun 4 berkenaan diharapkan akan dapat pula menunjukkan bagaimana frasa kerja (adjektif) ini dapat membantu menambah pengetahuan murid di dalam subjek berkenaan.

### **Pernyataan Masalah**

Isu buku kerja serta pelbagai buku yang terdapat di pasaran pada masa kini bagai cendawan tumbuh melata selepas hujan, menyebabkan para guru dan ibu bapa sering terkeliru buku untuk memilih buku manakah yang terbaik untuk dijadikan buku teks? Walaupun sesebuah buku teks perlu melalui empat peringkat penilaian dan memenuhi ciri sebuah buku teks yang terbaik berdasarkan [1] isi kandungannya yang menepati sukatan pelajaran dan huraian pelajaran yang telah ditetapkan mengikut tahap murid, [2] bahasa yang betul dan mudah difahami, [3] grafik yang menarik serta [4] aktiviti dan latihan yang sesuai mengikut aras kemahiran murid, namun ia masih belum mendapat tempat dikalangan pendidik maupun murid-murid. Keadaan ini dapat kita lihat apabila murid sering mengabaikan buku teks ketika pengajaran dan pembelajaran, meletakkannya di merata-rata tempat, meninggalkannya di rumah serta tidak menghargainya juga sebagai buku yang diberi pinjam oleh kerajaan.

Keadaan ini menarik minat pengkaji bagi mengetahui adakah buku teks yang dikaji benar-benar memberi kesan dan dapat meningkatkan kefahaman murid-murid terutama dalam konteks kata adjektif yang menjadi fokus utama dalam kajian ini. Selain itu, pengkaji juga ingin mengetahui adakah buku teks Bahasa Malaysia Tahun Empat yang dikaji ini dapat dijadikan modul utama dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah yang dikaji sekaligus dapat mengenalpasti teknik-teknik yang boleh disarankan untuk menarik minat murid-murid terhadap penggunaan buku teks.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini tentang penggunaan buku teks Tahun 4 sebagai modul pembelajaran bahasa Melayu (KSSR) Sekolah Rendah. Kajian ini dijalankan dengan harapan mencapai objektif-objektif seperti berikut:

1. Mengetahui pasti keberkesanan penggunaan buku Teks bahasa Malaysia (KSSR) Sekolah Rendah.
2. Membincangkan keberkesanan penggunaan buku teks bahasa Malaysia (KSSR) yang dikaji dapat dijadikan modul utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

### **Persoalan kajian**

Berdasarkan objektif-objektif kajian di atas, beberapa persoalan kajian telah dikemukakan:

1. Bagaimanakah tahap keberkesanan penggunaan buku teks Bahasa Malaysia [KSSR] Tahun 4 dalam konteks kata adjektif?
2. Apakah isi kandungan buku teks yang dikaji lebih mudah difahami dan sesuai mengikut aras kemahiran murid tahun empat itu sendiri?
3. Adakah wujud teknik-teknik tertentu yang boleh digunakan bagi menarik minat dan perhatian murid-murid terhadap buku teks yang dikaji semasa proses pengajaran dan pembelajaran?

### **Kepentingan kajian**

Kajian ini dapat mengkaji tentang penggunaan buku teks Tahun 4 sebagai modul pembelajaran bahasa Melayu topik kata adjektif dalam konteks kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Kajian ini penting kepada guru-guru bahasa Melayu bagi memberikan panduan dan maklumat tentang penggunaan frasa kerja (adjektif) khususnya di dalam buku teks bahasa Malaysia Tahun 4 KSSR. Dapatan kajian ini juga dapat dijadikan panduan bagi guru-guru dalam menyediakan bahan bantuan mengajar dan juga memperbaiki strategi pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian. Hasil kajian ini dapat menyedarkan bahawa bahan bantu

mengajar memainkan peranan yang penting di dalam menambah pengetahuan murid dan membantu sesi pembelajaran mereka. Bidang perguruan bukanlah mudah seperti yang dianggap oleh masyarakat. Pengetahuan ini amat penting bagi bakal guru agar mereka bersedia dan melengkapkan diri dalam profesion perguruan dengan mata dan hati yang terbuka dan juga menyesuaikan diri dengan tugas-tugas yang akan disandang di sekolah.

Pihak pentadbir sekolah, merupakan institusi pelajaran yang mengasah bakat dan kemahiran pelajar. Masa pengajaran yang panjang dan silibus yang luas pengujian di dewan peperiksaan adalah tidak mencukupi bagi menilai kefahaman seorang murid. Kajian ini diharapkan dapat memberi faedah kepada pihak sekolah khasnya guru besar dalam urusan penyediaan bahan bantu mengajar di kalangan guru-guru sedia ada. Pihak Jabatan Pendidikan juga mengambil langkah-langkah tertentu untuk membantu guru-guru dalam memperkembangkan hasrat dan tekad untuk mewujudkan kelompok guru yang benar-benar berkomitmen di dalam menjalankan tugas mereka Rosinah Edenin, (2012). Maklumat dari kajian ini juga boleh digunakan dalam merangka program yang lebih mantap dan besar untuk menangani masalah pemahaman murid serta membawa kesn positif kepada profesion perguruan. Malahan pihak kementerian, diharapkan dapat memberi petunjuk dalam menjalankan kurikulum latihan perguruan khusus di peringkat Institut Pendidikan Guru.

### **Kajian-kajian Lepas**

Siti Hajar binti Abdul Aziz et.al., (2013), transformasi pendidikan yang telah dilaksanakan mulai 2010 adalah dengan melaksanakan sistem penilaian pelajar berasaskan sekolah bagi mengatasi sistem pendidikan kini yang berorientasikan peperiksaan. Menerusi sistem ini, penilaian pelajar dibuat secara berterusan berdasarkan prestasi mulai Tahun Satu hingga Tingkatan Lima dalam pelbagai aspek, selain peperiksaan. Lima pendekatan akan dilaksanakan menerusi sistem berkenaan iaitu taksiran psikometrik atau personaliti pelajar, kegiatan kokurikulum, penilaian peperiksaan peringkat sekolah, penilaian peperiksaan peringkat Lembaga Peperiksaan Malaysia serta penilaian peperiksaan awam. Kewujudan transformasi pendidikan ini adalah bermula daripada masalah yang timbul, beberapa objektif dan juga persoalan yang memerlukan jawapan melalui kajian ini.

Malaysia menerusi peningkatan pendidikan negara dapat diiktiraf ke taraf dunia yang dapat kita menjana pembangunan sumber manusia negara kita dari segi kuantiti dan kualiti dan seterusnya merealisasikan impian untuk mentransformasikan Malaysia menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020 seperti yang disarankan oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Muhamad pada Majlis Perdagangan Malaysia pada 28 Februari, 1991. Dalam konteks pendidikan, pentaksiran merupakan satu episod dalam proses pembelajaran yang merangkumi aktiviti menghurai, mengumpul, merekod, memberi skor dan menginterpretasi maklumat tentang hasil pembelajaran seseorang pelajar bagi tujuan tertentu Hussien Mahmood Shahril, (2001).

Menurut Hussein Mahmood (1993) dan Edmonds (1979) di dalam Shahril (2001) di dalam berpendapat bahawa, kejayaan sesebuah sekolah terletak di tangan pengetua atau guru besar. Ini bermakna bahawa, pengetua atau guru besar haruslah mempunyai pelbagai kebolehan, selain daripada memiliki kebolehan mengajar yang dapat menjadi teladan dan rujukan kepada para guru, beliau juga harus berkebolehan untuk menginterpretasikan perubahan dalam sekolah, berkemahiran menggunakan gaya kepimpinan yang bersesuaian dan tepat pada situasi yang berlainan, mampu memotivasikan guru, staf dan pelajar supaya lebih berminat dan berkomited dengan segala urusan dan aktiviti di sekolah.

Perancangan pengajaran yang baik dapat menjamin pencapaian objektif atau hasil pembelajaran yang dirancang. Guru yang mengaplikasi reka bentuk pengajaran dalam

perancangan penyampaian pengajaran akan dapat menjadikan pembelajaran pelajarannya yang jelas dan berkesan. Reka bentuk pengajaran memainkan peranan yang penting dalam menentukan kejayaan pengajaran dan pembelajaran bilik darjah atau kejayaan satu-satu program atau kurikulum kursus. Guru perlu menentukan objektif atau hasil pembelajaran yang mahu dicapai. Objektif mestilah dinyatakan secara eksplisit supaya mudah diukur dan dicapai. Sebelum pembelajaran bermula, menentukan objektif adalah penting supaya guru dapat menetapkan sasaran yang mahu dicapai dan seterusnya menetapkan apa yang murid perlu dapat, See Bee Ean (2008)

### Teori Konstruktivisme

Teori Konstruktivisme dalam pembelajaran bahasa Melayu khususnya, ilmu pengetahuan adalah dibina melalui proses saling pengaruh di antara pembelajaran terdahulu dengan pembelajaran terbaru yang berkaitan. Dibawah proses pembelajaran, pelajar membina ilmu pengetahuan dengan melibatkan diri secara aktif, menggunakan cara membanding maklumat baru dengan pengalaman yang sedia ada supaya dapat menyelesaikan sebarang perselisihan yang timbul untuk mencapai kefahaman terhadap maklumat baru. Dalam teori ini, individu melihat dirinya secara aktif dalam pembelajaran ilmu pengetahuan dan bukannya menerima secara pasif. Ilmu pengetahuan tidak digunakan untuk menjelaskan kebenaran tetapi digunakan sebagai rasionalisasi tindakan dan pengalaman yang dialami.

### Penganalisan Data

Data yang dikumpul diproses daripada penggunaan buku teks tahun 4 sebagai modul pembelajaran. Murid-murid merupakan responden kajian boleh memahami, menggunakan dan membina ayat berdasarkan frasa/kata adjektif secara langsung.

### Analisis Bilangan Betul-Salah Dapatan Ujian Pos Kumpulan Eksperimen

Bil	Responden	S1	S2	S3	S4	S5	S6	S7	S8	S9	S10	Jumlah Betul	Peratus	Gred
1	1	/	/		/			/		/	/	6	60%	B
2	2			/		/	/					3	30%	E
3	3	/	/	/				/	/	/		6	60%	B
4	4	/				/	/	/	/		/	6	60%	B
5	5		/	/	/		/	/	/	/		7	70%	B
6	6	/				/		/			/	4	40%	D
7	7		/	/				/	/			4	40%	D
8	8	/				/	/	/	/	/		6	60%	B
9	9	/	/	/	/		/				/	6	60%	B
10	10					/		/	/		/	4	40%	D
11	11	/	/				/			/		4	40%	D
12	12	/			/			/	/	/	/	6	60%	B
13	13		/	/		/	/					4	40%	D
14	14	/			/		/		/	/	/	6	60%	B
15	15		/		/			/				3	30%	E
16	16	/	/	/	/	/	/	/	/		/	9	90%	A
17	17				/		/	/	/			4	40%	D
18	18	/	/	/			/				/	5	50%	C
19	19		/		/	/			/	/	/	6	60%	B
20	20	/		/			/	/		/		5	50%	C

## Analisis gred dapatan ujian pos Kumpulan Eksperimen

Gred		Jumlah	Peratus	Jumlah Besar	Peratus
A		1	5%		
B	LULUS	9	45%	18	90%
C		2	10%		
D		6	30%		
E	GAGAL	2	10%		
F		0	0%	2	10%
Jumlah		20	100%		

Dapatan ujian pos di atas menunjukkan seramai 18 orang atau 90% yang terlibat dengan ujian ini telah lulus manakala 2 orang atau 10% lagi telah gagal. Hal ini menjelaskan bagaimana bilangan mereka yang lulus adalah melebihi bilangan mereka yang gagal. Ini menunjukkan bahawa kumpulan eksperimen yang diajar dengan menggunakan modul pembelajaran buku Teks Tahun 4 di bawah topik frasa/kata adjektif telah berjaya memberikan keyakinan kepada mereka.


Pelajar menjadi lebih berkeupayaan dan yakin kepada jawapan yang diberikan. Ini bermakna, buku teks merupakan modul pembelajaran telah berjaya meningkatkan kefahaman murid tentang satu topik yang agak sukar maksudnya. Topik frasa/kata adjektif bukanlah suatu topik yang mudah kerana ia memerlukan kefahaman yang mendalam kepada guru khususnya untuk belajar memahami topik manakala murid pula untuk memahami isi pelajaran yang dipersembahkan oleh guru.

## Analisis perbandingan gred dapatan ujian pra dan pos Kumpulan Eksperimen

Gred		Ujian Pra		Ujian Pos		Jumlah Besar	Peratus
		Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus		
A		0	0%	1	5%		
B	Lulus	1	5%	9	45%	18	90%
C		7	35%	2	10%		
D		5	25%	6	30%		
E	Gagal	5	25%	2	10%		
F		2	10%	0	0%	2	10%
Jumlah		20	100%	20	100%		

Analisis kepada gred dapatan ujian pra dan pos Kumpulan Eksperimen menunjukkan bahawa bagi ujian pra sebanyak 65% peserta yang lulus manakala 18 orang atau 90% pula tidak gagal. Namun kita lihat pula kepada dapatan ujian pra yang menunjukkan pada awalnya hanya 7 orang atau 35% responden yang gagal. Ini menunjukkan bahawa bagi ujian pra, seramai 13 orang atau 65% yang terlibat manakala angka ini telah bertambah kepada 18 orang atau 90%.

Pada masa yang sama, mereka yang gagal di dalam ujian pra dan pos adalah seperti berikut iaitu 7 orang atau 35% manakala selebihnya iaitu 2 orang atau 10% adalah gagal juga.



Graf bar menunjukkan perbandingan nyata antara kedudukan pelajar di dalam ujian pra dan pos bagi Kumpulan Eksperimen.

Graf bar dan jadual di atas menunjukkan perubahan peningkatan atau penurunan sesuatu gred bagi ujian pra dan ujian pos. Untuk gred A, berlaku peningkatan sebanyak 5% manakala untuk gred B pula, berlaku peningkatan mendadak sebanyak 40%. Ini diikuti dengan bilangan C apabila masing-masing membawa rekod penurunan sebanyak 25%. Begitu juga dengan bilangan gred D apabila berlaku peningkatan sebanyak 5% dan ini berterusan ke gred E apabila ia mencatat kenaikan sebanyak 15% dan akhirnya tiada sesiapa pun layak di dalam ujian pos ini untuk gred F. Masih belum memuaskan, kitaran kajian ini iaitu merancang, bertindak, memerhati dan mereflek akan diulang sehingga objektif tercapai.

### **Analisis keseluruhan dapatan ujian pra dan pos bagi Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Eksperimen**

Secara keseluruhannya, jelas menunjukkan bahawa penggunaan buku teks Tahun 4 sebagai modul pembelajaran bahasa Melayu topik kata adjektif dalam konteks kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) telah dapat dibuktikan dengan menggunakan buku teks tahun 4 sebagai modul pembelajaran bahasa Melayu maka pelajar lebih memahami dan lebih berpengatahuan tentang penggunaan frasa/kata adjektif itu sendiri. Data-data perbandingan ujian-ujian yang dijalankan untuk dua kelompok pelajar iaitu kelompok kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan telah dapat dibuktikan.

Objektif kajian eksperimen ini adalah tentang penggunaan buku teks Tahun 4 sebagai modul pembelajaran bahasa Melayu topik kata adjektif dalam konteks kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Pengkaji cuba menunjukkan bagaimana buku teks tahun 4 boleh dijadikan sebagai salah satu modul pembelajaran yang efektif di dalam pengajaran subjek bahasa Melayu khususnya bagi topik kata adjektif dalam konteks kemahiran berfikir aras tinggi.

### **Hubungan dapatan kajian dengan persoalan kajian**

Kajian ini juga mempunyai persoalan kajian yang perlu dijawab bagi memenuhi keperluan kajian sedia ada. Persoalan kajian yang diutarakan adalah seperti berikut;

**Adakah dengan menggunakan buku teks sebagai modul pembelajaran maka pelajar lebih memahami penggunaan frasa adjektif yang sedia ada di dalam buku teks Tahun 4 khususnya dalam konteks kemahiran berfikir aras tinggi?**

Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa dengan menggunakan buku tekslah maka pelajar-pelajar di bawah kumpulan eksperimen mencatat keputusan pengujian bagi ujian pos yang lebih tinggi daripada mereka yang berada di kumpulan kawalan. Ini menjelaskan bahawa dengan menggunakan bahan berbantu sebeginilah maka pelajar akan lebih memahami, lebih berpengetahuan dan lebih jelas pandangannya tentang isi pelajaran sedia ada.

Pelajar adalah mereka yang belajar dan memerlukan bahan bantu mengajar yang boleh menajam dan menguatkan pemikiran mereka. Buku teks yang dulunya dianggap sebagai bahan mengajar yang kurang sesuai dan ketinggalan sebenarnya adalah bahan pembelajaran yang efisien. Apa yang penting ialah guru harus mampu membina keupayaan dan kesungguhan dalam menaikkan semula taraf buku teks sebagai salah satu bahan bantu mengajar yang sesuai.

**Apakah cara yang sesuai dalam menggunakan buku teks sebagai modul pembelajaran pelajar tahun 4?**

Apabila memperkatakan tentang cara maka ia lebih dekat dengan pengkaedahan. Pengkaedahan yang dikatakan disini ialah cara mana ia ditunjukkan sebagai bahan bantu mengajar yang bersesuaian dengan kelompok pelajar. Guru harus menjadi manusia yang kreatif dalam memastikan mereka boleh berhadapan dengan situasi dan keadaan yang bersesuaian. Keadaan ini tidak mempunyai had sebaliknya ia harus mempunyai keupayaan membentuk pemikiran murid.

Buku teks sebagai modul pembelajaran bermakna ia tidak hanya dibuka dan dibaca sebaliknya ia harus membentuk satu bahagian yang mana buku teks berkenaan akhirnya dapat diketengahkan menjadi bahan bantu mengajar. Guru boleh menanda mana-mana bahagian yang mempunyai frasa/kata adjektif. Selepas memberikan penerangan maka pelajar-pelajar boleh diminta untuk membuka muka surat tertentu yang mempunyai frasa/kata adjektif. Rujuk silang sebeginilah yang berjaya membuktikan penggunaannya efisien dan bersesuaian dengan kelompok pelajar itu sendiri.

**Selain buku teks, apakah bahan teknologi maklumat boleh membantu meningkatkan kefahaman murid terhadap apa yang dikatakan sebagai frasa atau kata adjektif?**

Bahan teknologi maklumat merupakan bahan sokongan paling mudah dan cepat difahami oleh pelajar. Jika gabungan buku teks dan bahan teknologi maklumat dikembangkan dan dijadikan bahan sumber pembelajaran maka ianya boleh memperbaiki cara dan sistem pembelajaran murid secara langsung. Kanak-kanak memerlukan kefahaman yang berfokus maka bahan-bahan mautud sebegitu sebenarnya membawa kepada penambahbaikan kepada pemahaman berkenaan.

Guru harus bijak di dalam situasi sebegini. Bijak di sini bermakna mampu menyelaras bahan yang sedia ada dengan situasi pembelajaran. Kebergantungan kepada bahan-bahan sebegini tidak boleh diamalkan kerana ia seolah-olah satu perkara yang perlu ada dan jika tiada ia perlu diadakan.

**Kesimpulan**

Kesimpulannya, kajian telah menunjukkan bahawa dengan menggunakan buku teks murid-murid mencatat keputusan pengujian yang lebih tinggi daripada mereka yang berada di kumpulan kawalan. Ini jelas menunjukkan bahawa dengan menggunakan bahan bantu

sebeginilah maka murid akan lebih memahami, lebih berpengetahuan dan lebih jelas pandangannya tentang isi pelajaran sedia ada. Murid adalah mereka yang belajar dan memerlukan bahan bantu mengajar yang boleh menajam dan menguatkan pemikiran mereka. Buku teks yang dahulunya dianggap sebagai bahan mengajar yang kurang sesuai dan ketinggalan sebenarnya adalah bahan pembelajaran yang efisien. Apa yang penting ialah guru harus mampu membina keupayaan dan kesungguhan dalam menaikkan semula taraf buku teks sebagai salah satu bahan bantu mengajar yang sesuai. Guru harus bijak di dalam situasi sebegini. Bijak di sini bermakna mampu menyelaras bahan yang sedia ada dengan situasi pembelajaran. Kebergantungan kepada bahan-bahan sebegini boleh diamalkan kerana ia seolah-olah satu perkara yang perlu ada dan jika tiada ia perlu diadakan.

#### **Rujukan**

- Azizi Yahya et.al (2007). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan*: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Hussien Mahmood Shahril (2001). *Amalan Pengajaran Guru yang Berkesan*: Academia
- Rosinah Edenin (2012). *Penyelidikan Tindakan Kaedah dan Penulisan*. Kuala Lumpur: Fave Mid Harizon Sdn. Bhd.
- See Bee Ean (2008). *Kajian Tindakan Meningkatkan Kemahiran Membaca Ayat*. Bentong PTS Profesional Sdn. Bhd.
- Siti Hajar binti Abdul Aziz et. al (2013) *Bahasa Malaysia Tahun 4 Sekolah Kebangsaan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.